

U 8071 AAB  
MAHATHIR - SEMANGAT 2 2 2

JITRA, 20 OKT (BERNAMA) -- DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD MAHU BARISAN NASIONAL (BN) MENCATAT KEMENANGAN BESAR PADA PILIHAN RAYA ESOK BAGI +MELENYAPKAN+ PARTI SEMANGAT 46 DI NEGARA INI.

+KITA NAK TUNJUK JANGAN ADA TEMPAT BAGI DIA DI MALAYSIA INI...KITA AKAN TENTUKAN CALON SEMANGAT 46 TIDAK AKAN DAPAT SATU KERUSI PUN SEPATUTNYA,+ KATA PERDANA MENTERI.

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG JUGA Pengerusi BN dan Presiden UMNO BERKATA, PARTI YANG SUKA BELOT SEPERTI SEMANGAT 46 PERLU DIBERI +PENGAJARAN PADA PILIHAN RAYA AGAR MEREKA SERIK DENGAN PERBUATAN ITU+.

BERUCAP KEPADA PENYOKONG BN DI POS PETI UNDI BN MALAU/PADANG PANJANG DEKAT SINI HARI INI, BELIAU BERKATA SEMANGAT 46 IALAH SEBUAH PARTI YANG BUKAN SAJA BELOT KEPADA UMNO TETAPI JUGA TELAH BELOT KEPADA PAS.

SEHUBUNGAN ITU, BELIAU MENASIHATI PARA PENYOKONG PAS SUPAYA JANGAN MEMBERI UNDI KEPADA SEMANGAT 46. -- LAGI  
1559MST 20 10 90

U 8072 AAB  
MAHATHIR - SEMANGAT 2 JITRA 2 2 2

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERHARAP PARA PENYOKONG PAS AKAN SEDAR BAHAWA ADALAH LEBIH BAIK MEREKA TIDAK KELUAR MENGUNDI DARIPADA MEMBERI UNDI KEPADA SEMANGAT 46 YANG TELAH MENYEBABKAN PAS KINI +MATI+ KERANA MENGIKUT TELUNJUK SEMANGAT 46.

MENURUTNYA, DAP PULA KINI SEBALIKNYA MENJADI PARTI TERBESAR ANTARA KALANGAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG MENGIKUT JUMLAH KERUSI YANG AKAN DITANDINGINYA, IAITU SEBANYAK 59 KERUSI BERBANDING DENGAN 52 UNTUK SEMANGAT 46, DAN 32 UNTUK PAS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA BERKATA, PEMIMPIN PAS SECARA TIDAK LANGSUNG TURUT MERESTUI HUBUNGAN ANTARA SEMANGAT 46 DAN PARTI BERSATU SABAH (PBS) KERANA BELIAU BELUM MENDENGAR PEMIMPIN PAS MARAH KEPADA KERJASAMA ANTARA KEDUA-DUA PARTI TERSEBUT.

EKORAN TINDAKAN ITU, KATANYA, BELIAU TAHU KINI RAMAI DARIPADA PENYOKONG PAS YANG TIDAK AKAN MEMBERIKAN UNDI MEREKA KEPADA SEMANGAT 46.

PERDANA MENTERI YANG MENAMATKAN SIRI LAWATANNYA KE SELURUH NEGARA HARI INI, SEBELUM ITU MELAWAT 14 POS PETI UNDI BN DI SELURUH DAERAH KUBANG PASU, DIIRINGI OLEH MENTERI BESAR, DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF. -- LAGI  
1614MST 20 10 90

MAHATHIR - SEMANGAT 3 JITRA 2 2 2

DATUK SERI DR MAHATHIR, YANG AKAN MEMPERTAHANKAN KERUSI PARLIMEN KUBANG PASU, AKAN DITENTANG OLEH PRÉSIDEN HAMIM, DATUK SUDIN WAHAB, YANG BERTANDING ATAS TIKET SEMANGAT 46.

DATUK SERI HAJI OSMAN AROFF PULA AKAN MEMPERTAHANKAN KERUSI DEWAN UNDANGAN NEGERI JITRA DALAM KAWASAN PARLIMEN KUBANG PASU.

PADA SATU ACARA LAIN DI KEDIAMAN PEGAWAI DAERAH KUBANG PASU, DATUK SYED ZAIN SYED ABDULLAH, PERDANA MENTERI MENYAMPAIKAN SUMBANGAN BANTUAN WANG KEPADA LIMA KELUARGA MANGSA KEBAKARAN DI KAMPUNG TOK KESOP DAN 19 KELUARGA MANGSA RIBUT DARI SELURUH DAERAH KUBANG PASU.

RIBUT YANG MELANDA DAERAH ITU PADA 2 DAN 3 OKT LEPAS MENGAKIBATKAN 235 BUAH RUMAH ROSAK DAN MELIBATKAN 590 KELUARGA.

ISTERI PERDANA MENTERI DATUK SERI DATIN PADUKA DR BITI HASMAH ALI IALAH ANTARA YANG TURUT HADIR PADA MAJLIS ITU. -- BERNAMA  
1616MST 20 10 90